



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2005

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN AKAUNTAN DAN
PENOLONG AKAUNTAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda skim perkhidmatan Akauntan dan Penolong Akauntan yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Skim perkhidmatan Penolong Akauntan adalah salah satu skim perkhidmatan gunasama di bawah kawalan Akauntan Negara yang bertindak selaku ketua perkhidmatannya. Kelayakan masuk ke skim perkhidmatan Penolong Akauntan yang sedang berkuat kuasa menetapkan syarat lantikan adalah diploma dalam bidang pengajian perdagangan, pengajian bank atau pengajian perakaunan. Memandangkan diploma dalam bidang pengajian perdagangan tidak lagi ditawarkan oleh pihak Institusi Pengajian Tinggi Awam, maka adalah lebih baik bidang pengajian ini diganti dengan bidang pengajian

yang lebih relevan iaitu bidang-bidang pengajian perniagaan dan kewangan.

3. Di samping itu, skim perkhidmatan Penolong Akauntan yang sedia ada tidak memperuntuk peluang Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke jawatan Akauntan Gred W41. Ini bermakna pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Akauntan tidak diberi kemudahan untuk meningkat ke skim perkhidmatan yang lebih tinggi dalam bidang yang sama pada peringkat Pengurusan dan Profesional, khususnya skim perkhidmatan Akauntan. Kerajaan telah bersetuju supaya perbekalan KPSL dimasukkan ke dalam skim perkhidmatan Penolong Akauntan ke perkhidmatan Akauntan dengan syarat calon mempunyai ijazah seperti ditetapkan dalam skim perkhidmatan Akauntan.

4. Skim perkhidmatan Penolong Akauntan juga tidak memperuntuk KPSL dari skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) ke skim perkhidmatan Penolong Akauntan. Ini mengakibatkan Pembantu Tadbir (Kewangan) dinafikan peluang kemajuan kerjaya mereka ke skim perkhidmatan yang lebih tinggi. Bagi mengelakkan keadaan seperti ini berterusan, perbekalan KPSL dalam skim perkhidmatan Penolong Akauntan dinyatakan supaya meliputi Pembantu Tadbir (Kewangan).

PINDAAN

5. Bagi memperuntuk peluang peningkatan ke skim perkhidmatan yang lebih tinggi, perbekalan KPSL diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan dan syarat KPSL dalam skim perkhidmatan Penolong Akauntan dipinda sewajarnya. Skim perkhidmatan Akauntan yang baru adalah seperti di **Lampiran A** dan contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B**. Manakala skim perkhidmatan Penolong Akauntan yang baru adalah seperti di **Lampiran C** dan contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran D**.


TARIKH KUAT KUASA

6. Skim perkhidmatan Akauntan dan Penolong Akauntan yang baru ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2005**.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Akauntan dan Penolong Akauntan yang berkuat kuasa 1 November 2002 melalui Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(**TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI**)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

3 Januari 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
AKAUNTAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred W41	:	P1T1	RM1480.70	-	P1T27	RM4077.36
		P2T1	RM1564.19	-	P2T27	RM4320.57
		P3T1	RM1651.31	-	P3T27	RM4569.83
Gred W44	:	P1T1	RM2625.36	-	P1T14	RM4339.93
		P2T1	RM2903.66	-	P2T14	RM4744.07
Gred W48	:	P1T1	RM3814.79	-	P1T8	RM5059.88
		P2T1	RM4192.31	-	P2T8	RM5539.04
Gred W52	:	P1T1	RM4291.53	-	P1T8	RM5536.62
		P2T1	RM4698.09	-	P2T8	RM6044.82
Gred W54	:	P1T1	RM4526.27	-	P1T8	RM5894.78
		P2T1	RM4926.78	-	P2T8	RM6434.44

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8);
atau

- (ii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8);
atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T9);
atau

(iv) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T10);

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di perenggan 1(c) (ii) dan (iii) di atas adalah seperti di Rujukan I].

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Akauntan Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred W41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Akauntan Gred W41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Akauntan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI /
PEPERIKSAAN**

6. Akauntan Gred W41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Akauntan Gred W41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED W44**

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED W48**

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED W52**

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED 54**

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED YANG LEBIH TINGGI**

9. Akauntan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
10. Akauntan Gred W41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred W44 yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
11. Akauntan Gred W44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred W48 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
12. Akauntan Gred W48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred W52 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
13. Akauntan Gred W52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred W54 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
14. Akauntan Gred W54 yang menunjukkan kebolehan yang termuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2(3)].

SENARAI BADAN PERAKAUNAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN

- (i) Ahli Institut Perakaunan Malaysia;
- (ii) Ahli The Malaysian Association of Certified Public Accountants;
- (iii) Ahli The Institute of Chartered Accountants in England And Wales;
- (iv) Ahli The Institute of Chartered Accountants of Ireland;
- (v) Ahli The Chartered Association of Certified Accountants (sebelumnya The Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom));
- (vi) Ahli The Institute of Chartered Accountants of Australia;
- (vii) Ahli The Australian Society of Certified Practising Accountants;
- (viii) Ahli The New Zealand Society of Accountants;
- (ix) Ahli The Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (x) Ahli The Institute of Cost and Management Accountants (sebelumnya The Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom));
- (xi) Ahli The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy (sebelumnya The Institute of Munciple Treasures and Accountants (United Kingdom));
- (xii) Ahli The Institute of Chartered Accountants of Pakistan;
- (xiii) Ahli The Institute of Cost and Management Accountants of Pakistan;
- (xiv) Ahli The Institute of Chartered Accountants of Scotland.

(Nota: Senarai ini berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2002, muka surat 323 - 325)

IKLAN JAWATAN

1. (a) Nama Jawatan : **AKAUNTAN**
- (b) Kementerian/Jabatan/
Badan Berkanun/Kuasa
Tempatan* : Nyatakan nama agensi
- (c) Ketua Perkhidmatan : Nyatakan nama ketua perkhidmatan
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kewangan

2. Gred dan Jadual Gaji

Gred W41	: P1T1 RM1480.70 - P1T27 RM4077.36 P2T1 RM1564.19 - P2T27 RM4320.57 P3T1 RM1651.31 - P3T27 RM4569.83
Gred W44	: P1T1 RM2625.36 - P1T14 RM4339.93 P2T1 RM2903.66 - P2T14 RM4744.07
Gred W48	: P1T1 RM3814.79 - P1T8 RM5059.88 P2T1 RM4192.31 - P2T8 RM5539.04
Gred W52	: P1T1 RM4291.53 - P1T8 RM5536.62 P2T1 RM4698.09 - P2T8 RM6044.82
Gred W54	: P1T1 RM4526.27 - P1T8 RM5894.78 P2T1 RM4926.78 - P2T8 RM6434.44

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8); atau

- (ii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T9); atau

- (iv) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T10);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Akauntan yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 3 di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf Tetap atau Sementara
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas: : Bertanggungjawab mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan pejabat-pejabat kerajaan, meliputi melaksanakan analisis laporan kewangan serta fungsi perbendaharaan.
8. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG AKAUNTAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred W27	:	P1T1 RM967.27	-	P1T26 RM2425.32
		P2T1 RM1022.93	-	P2T26 RM2574.15
		P3T1 RM1081.01	-	P3T26 RM2727.82
Gred W32	:	P1T1 RM1932.85	-	P1T13 RM2876.65
		P2T1 RM2101.04	-	P2T13 RM3131.96
Gred W36		P1T1 RM2404.75	-	P1T11 RM3555.46
		P2T1 RM2572.94	-	P2T11 RM3932.98

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: P1T5); atau

(ii) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: P1T8);
 - dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred W27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Akauntan Gred W27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penolong Akauntan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

KURSUS INDUKSI / PEPERIKSAAN

6. Penolong Akauntan Gred W27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Penolong Akauntan Gred W27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED W32**

**KENAIKAN PANGKAT'
KE GRED W36**

**KENAIKAN PANGKAT SECARA
LANTIKAN KE PERKHIDMATAN
AKAUNTAN DAN PEGAWAI
KEWANGAN**

9. Penolong Akauntan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
10. Penolong Akauntan Gred W27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W32 yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan
11. Penolong Akauntan Gred W32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W36 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan
12. Penolong Akauntan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Akauntan dan Pegawai Kewangan Gred W41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmtan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3KIt 2 (3)].

IKLAN JAWATAN

1. (a) Nama Jawatan : **PENOLONG AKAUNTAN**
 - (b) Kementerian/Jabatan/ Badan Berkanun/Kuasa Tempatan* : Nyatakan nama agensi
 - (c) Ketua Perkhidmatan : Nyatakan nama ketua perkhidmatan
 - (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
 - (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kewangan
-
2. Gred dan Jadual Gaji Matriks

Gred W27	:	P1T1 RM967.27	-	P1T26 RM2425.32
		P2T1 RM1022.93	-	P2T26 RM2574.15
		P3T1 RM1081.01	-	P3T26 RM2727.82
Gred W32	:	P1T1 RM1932.85	-	P1T13 RM2876.65
		P2T1 RM2101.04	-	P2T13 RM3131.96
Gred W36	:	P1T1 RM2404.75	-	P1T11 RM3555.46
		P2T1 RM2572.94	-	P2T11 RM3932.98
-
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan dan perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: P1T5); atau

(ii) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: P1T8);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. Taraf Jawatan : Tetap

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

7. Fungsi Bidang Tugas: : Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan.
8. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.